

SULIT 5226/1

PERATURAN PEMARKAHAN

SET 1

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2026

TASAWWUR ISLAM



Bahagian A
[20 markah]
Jawab semua soalan.

Soalan 1 hingga soalan 4

Gariskan istilah yang betul bagi pernyataan berikut berdasarkan pilihan jawapan di bawah.

No	Pernyataan	Pilihan Jawapan
1	Lelaki pilihan Allah SWT yang diberikan wahyu kepadanya dan tidak diperintahkan menyampaikannya kepada orang lain.	<u>Nabi</u> / Rasul / Wali
2	Islam ialah agama praktikal, mampu diamalkan oleh semua golongan manusia.	‘Alamiyyah / <u>Waqi’iyyah</u> / Rabbaniyyah
3	Harta yang dikuasai daripada orang bukan Islam tanpa melalui jalan perang.	Jizyah / Ghanimah / <u>Fai’</u>
4	Ketidakpastian dalam sesuatu akad atau kontrak jual beli sama ada dari segi kuantiti, kualiti, harga, waktu penyerahan dan sebagainya.	Margin / <u>Gharar</u> / Ta’awun

Soalan 5 hingga soalan 8

Lengkapkan pernyataan berikut berdasarkan pilihan jawapan yang disediakan di bawah.

Dalil Naqli	Dalil Aqli	Alaqah	Mudghah	Murabahah	Zabur
-------------	------------	--------	---------	-----------	-------

- 5 Dalil Naqli ialah dalil yang bersumberkan nas al-Quran dan al-Sunnah.
- 6 Pada peringkat Mudghah terbentuk tangan, kepala, kaki dan tulang rusuk.
- 7 Murabahah ialah jual beli barangan dengan makluman harga kos bersama-sama tambahan margin keuntungan.
- 8 Kitab Zabur diturunkan kepada Nabi Daud a.s.

Soalan 9 hingga soalan 12

Lengkapkan jadual di bawah dengan jawapan yang betul.

Sifat mahmudah dalam pergaulan	
Jawapan	Pernyataan
P	Melakukan sesuatu kebaikan semata-mata kerana Allah SWT.
Q	Saling menyayangi antara sesama ahli masyarakat.

9 P ialah ikhlas

10 Q ialah penyayang

Prinsip-prinsip Negara Islam	
Jawapan	Pernyataan
R	Setiap individu dilayan dan dihormati tanpa mengira pangkat atau kedudukan masing-masing.
S	Membuat keputusan secara saksama bersumberkan al-Quran dan al-Hadis berdasarkan ketentuan akidah, syariah dan akhlak.


11 R ialah al Musawah

12 S ialah al-Adalah



Soalan 13 hingga soalan 14

Lengkapkan carta di bawah dengan jawapan yang betul berkaitan dengan asas pergaulan dalam Islam




13 T ialah Tafahum

14 U ialah Taawun

Soalan 15 hingga soalan 16

Lengkapkan carta di bawah dengan jawapan yang betul berkaitan elemen pembentukan negara Islam.



15 V ialah Khalifah

16 W ialah Wilayah

Soalan 17 hingga soalan 20

SULIT 5226/1

Tandakan (/) pada pernyataan yang betul dan tandakan (×) pada pernyataan yang salah.

- | | |
|---|---|
| 17 Akhlak mulia dapat melahirkan masyarakat majmuk yang hidup aman dan harmoni. | <div style="border: 1px solid black; width: 40px; height: 40px; display: flex; align-items: center; justify-content: center; margin: 0 auto;">/</div> |
| 18 Alam barzakh ialah alam tempat manusia kembali hidup selepas dibangkitkan pada hari kiamat. | <div style="border: 1px solid black; width: 40px; height: 40px; display: flex; align-items: center; justify-content: center; margin: 0 auto;">×</div> |
| 19 Takzir ialah hukuman yang jenis dan kadarnya ditentukan oleh pemerintah atau hakim mengikut syarak. | <div style="border: 1px solid black; width: 40px; height: 40px; display: flex; align-items: center; justify-content: center; margin: 0 auto;">/</div> |
| 20 Muhasabah bermaksud menyalahkan orang lain atas kesalahan yang dilakukan sendiri. | <div style="border: 1px solid black; width: 40px; height: 40px; display: flex; align-items: center; justify-content: center; margin: 0 auto;">×</div> |



Bahagian B

[80 Markah]

Jawab empat soalan sahaja.

1	(a)	Nyatakan empat rukun iman.		
		- beriman kepada Allah SWT - beriman kepada Malaikat - beriman kepada Kitab-kitab-Nya - beriman kepada para nabi dan rasul - beriman kepada Hari Akhirat - beriman kepada Qadak dan Qadar		
				[4x1m=4 markah]
	(b)	(i)	Senaraikan dua amalan yang berkaitan dengan pegangan akidah yang benar.	
			- berdoa - bertawakal - mujahadah - berzikir - bertaubat - muhasabah	
				[2x1m=2 markah]
		(ii)	Baru-baru ini, masyarakat digemparkan dengan kes pembunuhan kejam seorang penuntut kolej yang maut dengan 61 kesan tikaman. Berdasarkan pernyataan di atas, huraikan mengapakah jenayah tragis seperti ini berlaku dalam masyarakat kini. - Runtuhnya benteng akhlak mahmudah - Kegagalan Mengawal Emosi dan Amarah - Pengaruh Kandungan Ganas dalam Media - Kelemahan Komunikasi dan Sokongan Psikologi	

			Runtuhnya benteng akhlak mahmudah dan ketiadaan sifat Ihsan iaitu merasa diri sentiasa diawasi Allah (1m) dalam diri pelaku. Hal ini menyebabkan pelaku gagal mengawal nafsu amarah sehingga hilang pertimbangan akal (1m). Kesan daripada pengabaian akhlak Islam ini, seseorang tergamak melakukan tindakan kejam tanpa memikirkan dosa besar dan azab pedih di akhirat (1m). Kesimpulannya, kita hendaklah menghayati konsep akhlak Islamiah secara menyeluruh dalam kehidupan supaya emosi dapat dikawal berlandaskan syariat demi menjamin keselamatan diri dan masyarakat. (1m)
			[4 markah]
	(c)	(i)	Apakah maksud pekerjaan?
			- satu kegiatan yang dilakukan bagi mendapatkan sumber pendapatan (1m) dan memiliki harta dengan cara yang halal (1m).
			[2x1m=2 markah]
		(ii)	Jelaskan dua hikmah terhadap kehidupan seorang individu yang melakukan pekerjaan halal.
			- Diberkati Allah SWT (1m) kerana mengikut syariat (1m). - Dihormati masyarakat (1m) kerana melakukan kerja yang baik (1m). - Dapat menjaga kesihatan fizikal (1m) kerana makanan yang dibeli dari sumber yang mengikut syariat(1m)
			[2x2m=4 markah]
		(iii)	Huraikan dua implikasi terhadap masyarakat sekiranya seseorang individu memilih untuk hidup tanpa pekerjaan.
			- Berlaku masalah sosial (1m) seperti budaya lepak (1m). - Berlaku masalah jenayah (1m) seperti mencuri (1m). - Menjejaskan keharmonian masyarakat (1m) kerana wujudnya sikap malas (1m)
			[2x2m=4 markah]

2	(a)	(i)	Apakah maksud alam musyahadah?
			Alam nyata yang dapat ditanggapi oleh pancaindera dan akal manusia tentang kewujudannya seperti manusia, haiwan dan tumbuhan
			[2x1m= markah]
		(ii)	Senaraikan dua contoh alam musyahadah.
			- manusia - haiwan - tumbuhan
			[2x1m= markah]
	(b)		Terangkan dua kepentingan memelihara fitrah kejadian insan. - mendapat keredaan dan petunjuk Allah SWT - mengukuhkan keimanan dan menyemasi ketakwaan - menerima kebenaran dan menolak kebatilan - membentuk kehidupan yang aman dan harmoni - dapat memakmurkan bumi
			[2x2m=4 markah]
	(c)	(i)	Jelaskan dua asas dalam sistem perundangan Islam.. 1. Pencegahan - Mencegah berulangnya perbuatan jenayah - memberi amaran kepada mereka yang berniat untuk melakukan kesalahan 2. Pembalasan - Membalas perbuatan jahat dengan hukuman yang adil - Mengelak wujudnya perasaan dendam 3. Pemulihan - Mendidik pesalah supaya insaf daripada kesalahan - Mengubah diri supaya taat kepada ajaran agama..
			[2x2m=4 markah]

		(ii) Huraikan dua keunggulan sistem perundangan Islam. - Ciptaan Allah yang bersih daripada sebarang kelemahan, kekurangan dan dorongan hawa nafsu - Lengkap merangkumi semua aspek kehidupan manusia - Hukuman yang adil tanpa mengira pangkat dan keturunan - Sesuai untuk semua manusia tanpa mengira kaum, tempat dan zaman - Bersifat tetap kekal sehingga hari kiamat tanpa berlaku perubahan - Hukuman bersifat memberi pengajaran supaya penjenayah tidak mengulangi kesalahan yang sama - mendidik jiwa manusia supaya takut akan pembalasan Allah SWT	
			[2x2m=4 markah]
		 Seorang pemandu ditahan polis selepas didapati memandu dalam keadaan mabuk sehingga menyebabkan kemalangan jalan raya.	
		(d) Jelaskan bagaimana Islam memelihara akal berdasarkan situasi tersebut. Islam mengharamkan pengambilan arak dan semua bahan yang memabukkan. (1m) Hal ini kerana arak menyebabkan akal hilang pertimbangan sehingga seseorang bertindak di luar kawalan ketika memandu. (1m) Selain itu, keadaan tersebut boleh mengakibatkan kemalangan yang membahayakan nyawa diri sendiri dan orang lain. (1m) Kesannya, akal dapat dipelihara dan keselamatan masyarakat sentiasa terjamin. (1m)	

		Cadangan Isi - Mematuhi larangan Allah SWT terhadap arak. - Menjauhi semua perkara yang memabukkan - Mengenakan hukuman terhadap peminum arak. - Mengadakan kempen kesedaran tentang bahaya arak. - Memilih gaya hidup yang sihat. [4 markah]	
3	(a)	Senaraikan dua sumber utama sistem sosial Islam.	
		-Al-Quran -Al-Sunnah -Al-Ijmak -Al-Qias	
			[2x1m=2 markah]
		Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud “Janganlah kamu berhasad dengki, tipu-menipu, benci-membenci, berpaling muka, dan janganlah (berebut) membeli atau menjual (barang) yang sedang dibeli atau dijual oleh org lain. Dan jadilah engkau sekalian hamba Allah SWT yang bersaudara. Seseorang muslim itu adalah saudara bagi muslim yang lain dan tidak boleh menzaliminya....’ (Riwayat Muslim)	
	(b)	(i) Berdasarkan hadis di atas, nyatakan dua adab pergaulan dalam Islam.	
		-Menjaga tutur kata supaya tidak menyakiti hati orang lain -Berlaku adil dan Ihsan terhadap semua manusia. -Menghormati dan tidak menghina orang lain. -Bersangka baik -Menjaga batasan pergaulan antara lelaki dan perempuan. -Menjaga batasan aurat	
			[2x1m=2 markah]

		(ii)	Ramalkan kesan yang akan berlaku jika sifat mahmudah dalam pergaulan diabaikan dalam kehidupan.	
			Cadangan jawapan: Berlaku pergaduhan dan perselisihan faham.(1m)Hal ini disebabkan sifat mementingkan diri sendiri.(1m)Kesannya, hubungan semakin renggang dan boleh memutuskan hubungan silaturrahim.(1m)Kesimpulannya, kita hendaklah mengamalkan sifat-sifat yang baik dalam kehidupan seharian agar masyarakat hidup harmoni.(1m)	
				[4x1m= 4 markah]
	(c)		Jelaskan dua sistem pentadbiran dan pengurusan pada zaman khulafa Ar-Rasyidin.	
			-Sesuatu dasar diputuskan melalui kaedah syura -Khalifah berperanan sebagai ketua eksekutif dan perundangan -Pentadbiran di setiap wilayah diketuai oleh gabenor yang dibantu oleh setiausaha dan pegawai tertentu -Institusi baitulmal pada peringkat pusat dan di setiap wilayah bagi mengendalikan urusan kewangan.	
				[2x2m=4 markah]
	(d)	(i)	Jelaskan dua etika tadbir urus Islam.	
			-Integriti iaitu menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab agar negara maju -Efektif iaitu efisien dan konsisten dalam menghasilkan impak yang cemerlang. -Amar makruf dan nahi mungkar iaitu membudayakan nilai murni dalam tadbir urus. -Sistematik iaitu membuat perancangan dan pemantauan yang berterusan.	
				[2x2=4 markah]
		(ii)	Huraikan dua kepentingan melaksanakan tadbir urus dalam sistem pentadbiran dan pengurusan Islam terhadap organisasi.	
			-Memastikan kelancaran urusan pentadbiran sesebuah organisasi -Menaikkan imej sesebuah organisasi agar dipandang tinggi oleh pihak lain. -Menyelesaikan sesuatu urusan secara rundingan dan muafakat agar dipersetujui oleh semua pihak.	
				[2x2m=4 markah]

4	(a)	(i)	Apakah yang dimaksudkan dengan murunah?
			- Luwes atau anjal (1m) boleh berubah mengikut kesesuaian namun masih tetap pada prinsip asasnya (1m)
			[2x1m= markah]
		(ii)	Jelaskan dua ciri prinsip Murunah dalam syariat Islam.
			- Islam agama yang mudah (1m) kerana memberi kelonggaran (rukhsah) ketika darurat (1m).
			- Dilakukan mengikut keadaan (1m) seperti solat jamak qasar bagi orang musafir (1m)
			- Dilakukan mengikut kemampuan (1m) seperti solat secara duduk bagi orang yang sakit (1m)
			[2x2m=4 markah]
		(iii)	Jelaskan dua kepentingan prinsip Murunah dalam syariat Islam terhadap kehidupan seorang Muslim.
			- Memudahkan umat Islam melaksanakan tuntutan agama dalam pelbagai situasi (1m) seperti bertayammum ketika tiada air (1m).
			- Menjamin keselamatan nyawa manusia ketika darurat (1m) seperti keharusan memakan makanan haram (1m)
			[2x2m=4 markah]
	(b)		Jelaskan dua peranan Baitulmal dalam meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat Islam.
			- Menguruskan agihan dana zakat (1m) secara efisien kepada golongan asnaf (1m)
			- Membangun dan menguruskan harta wakaf (1m) secara produktif (1m)
			- Membahagikan semula manfaatnya kepada rakyat (1m) secara adil (1m).
			[2x2m=4 markah]

			Al-Wadiah ialah mewakili sesuatu barangan atau harta kepada pihak lain untuk disimpan.
(c)	(i)	Berdasarkan pernyataan di atas, senaraikan jenis muamalat Islam selain di atas.	
		- Al-Murabahah - Al-Musyarakah - Al-Mudharabah - Al-Ijarah - Al-Bai' Bithaman Ajil - Al-Rahnu - Al-Takaful	[1x1m=1 <i>markah</i>]
	(ii)	Huraikan kepentingan pelaksanaan Al-Wadiah dalam sistem kewangan negara.	
		- menjamin keselamatan harta - meningkatkan keyakinan pelabur domestik Menjamin keselamatan harta daripada risiko kecurian (1m). Hal ini kerana institusi kewangan Islam yang menerima simpanan tersebut bertanggungjawab sepenuhnya menjaga keselamatan wang pendeposit dengan sistem keselamatan yang ketat berlandaskan syariat (1m). Kesan daripada keyakinan ini, masyarakat akan lebih gemar menyimpan wang di bank (1m). Kesimpulannya, negara hendaklah memperkasakan sistem perbankan Islam berasaskan Al-Wadiah supaya kestabilan ekonomi dapat dikekalkan (1m).	[5 <i>markah</i>]

5	(a)	(i)	Apakah maksud wahyu?	
			Kalam Allah SWT yang disampaikan kepada para nabi dan rasul melalui perantaraan malaikat Jibrail a.s atau terus datripada Allah SWT	
				[2x1m=2 markah]
		(ii)	Jelaskan dua ciri wahyu. - datang daripada Allah SWT yang kebenarannya adalah mutlak - diturunkan kepada nabi dan rasul sahaja, bukan kepada orang awam - penurunan wahyu adalah melalui perantaraan malaikat Jibraila.s, mimpi yang benar, suara di sebalik tabid atau Allah SWT mengilhamkan ke dalam hati Rasulullah SAW - kesuciannya terpelihara sehingga hari kiamat - wahyu terhenti dan tidak diturunkan selepas kewafatan Rasulullah SAW	
				[2x2m= 4 markah]
	(b)	(i)	"Ketagihan aplikasi media sosial dan permainan video (online gaming) pada telefon bimbit dikesan boleh menjejaskan fungsi kognitif otak, mengurangkan daya fokus, serta mendorong remaja bertindak agresif sekiranya aktiviti mereka diganggu." Berdasarkan pernyataan di atas, bagaimanakah penyalahgunaan telefon bimbit boleh merosakkan akal fikiran seorang murid? Huraikan. Mendedahkan murid kepada kandungan negatif atau maksiat di internet yang menjejaskan kesucian fikiran (1m). Hal ini kerana melayari bahan yang tidak bermoral boleh merosakkan minda dan melemahkan daya ingatan serta fokus dalam menuntut ilmu (1m). Kesannya, fikiran mereka menjadi tumpul dan cenderung untuk melakukan perbuatan yang melanggar syariat Islam (1m). Kesimpulannya, murid hendaklah menapis dan mengawal penggunaan media sosial agar akal fikiran terpelihara daripada perkara yang merosakkan iman (1m).	

		Cadangan Isi - Mendedahkan murid kepada kandungan negatif atau maksiat di internet yang menjejaskan kesucian fikiran. - Menyebabkan masalah tekanan jiwa dan emosi akibat ketagihan permainan video yang melampau. - Menyebabkan murid lalai daripada menunaikan kewajipan agama dan urusan persekolahan. - murid menghabiskan terlalu banyak masa dengan media sosial dan permainan video sehingga mengabaikan pelajaran. [4 markah]
	(c)	Senaraikan dua jenis kesalahan dalam jenayah hudud. - zina - qazaf - minum arak - mencuri - merompak - murtad [2x1m=2 markah]
	(d)	Jelaskan dua prosedur keterangan untuk mensabitkan kesalahan melalui kaedah pengakuan. - pengakuan yang jelas daripada orang yang telah melakukan kesalahan - pengakuan dibuat secara waras dan bebas tanpa paksaan daripada mana-mana pihak [2x2m=4 markah]
	(e)	Cadangkan dua cara menjauhkan perbuatan jenayah dalam Islam.
		-Mematuhi peraturan agama seperti menunaikan solat dan menutup aurat. -Menuntut ilmu yang bermanfaat seperti ilmu fardu Ain dan fardu Kifayah. -Mengisi masa dengan perkara berfaedah seperti membaca dan beriadah. -Memilih rakan yang baik seperti rakan yang sentiasa berakhlak mulia.
		[2x2m=4 markah]

6	(a)	(i)	Apakah peranan suami dalam membentuk keluarga bahagia?
			-Berperanan sebagai pemimpin keluarga. -Memastikan setiap ahli keluarga mentaati perintah Allah SWT dan menjauhi larangan-Nya. -Menyediakan keperluan asas seperti makanan, minuman, pakaian dan tempat tinggal. -Melindungi ahli keluarga. -Memberi pendidikan yang sempurna kepada ahli keluarga. -Berlaku adil jika berpoligami.
			[1x2m=2 markah]
		(ii)	Jelaskan dua kepentingan pembinaan keluarga dalam Islam.
			-Memenuhi naluri semulajadi manusia untuk hidup berpasangan berdasarkan lunas syarak. -Mengamalkan sunnah Rasulullah SAW seperti solat berjemaah. -Memelihara diri daripada maksiat dan penyakit. -Membina ahli keluarga yang terdidik dengan nilai-nilai Islam. -Membentuk masyarakat yang bertamadun berteraskan syariat Islam. -Memastikan kelangsungan zuriat manusia melalui ikatan pernikahan yang sah. -Menjalinkan cinta dan kasih sayang berlandaskan peraturan syariat.
			[2x2m=4 markah]
	(b)		Terangkan dua konsep hiburan dalam Islam.
			-Bertujuan mengagungkan Allah SWT dan mendidik jiwa. -Berhibur selari dengan kehendak syariat. -Meliputi aspek iman dan akhlak. -Hiburan sebagai memenuhi tuntutan fitrah manusia. -Membangunkan potensi umat Islam dalam seni hiburan.
			[2x2m=4 markah]

		Keharmonian dan kecemerlangan pentadbiran sebuah negara dapat dicapai apabila pemimpin dan rakyat saling menyayangi, menghormati dan mendoakan.	
	(c)	(i)	Berdasarkan pernyataan di atas, nyatakan maksud rakyat.
			Rakyat ialah seluruh penduduk dalam sesebuah negara yang berkewajipan untuk mentaati khalifah selagi tidak bercanggah dengan syariat Islam.
			[2x1m=2 markah]
		(ii)	Ramalkan apakah yang akan berlaku jika rakyat mengabaikan tanggungjawab mereka.
			Cadangan jawapan: Mencetuskan perbalahan dalam masyarakat.(1m)Hal ini kerana masing-masing mementingkan diri sendiri.(1m)Kesannya maksiat berleluasa.(1m) Kesimpulannya,kita hendaklah sentiasa prihatin dengan orang lain agar hidup aman damai.(1m) Cadangan isi : 1 Hilang rasa taat setia terhadap khalifah. 2 Keselamatan negara terancam 3 Membiarkan kepincangan berlaku dalam pemerintahan 4 Berlaku kemungkaran secara berleluasa.
			[4x1m=4 markah]

	(d)	Terangkan dua perbezaan antara Negara Islam dengan Negara Bukan Islam.	
		Negara Islam	Negara Bukan Islam
		Meletakkan Allah SWT sebagai kuasa tertinggi negara	Meletakkan pendapat majoriti rakyat sebagai asas pemerintahan
		Menjadikan iman dan takwa sebagai ciri utama daripada ketua negara hingga rakyat biasa	Mengabaikan syarat keimanan dan ketakwaan dalam memilih pemimpin
		Menjadikan undang-undang Allah SWT sebagai undang-undang negara	Menjadikan undang-undang ciptaan manusia sebagai undang-undang negara.
		Merangkumi seluruh dunia dan batas sempadannya selagi ada penduduk yang mengucap dua kalimah syahadah	Memisahkan sesebuah negara berdasarkan faktor geografi dan mementingkan taraf kewarganegaraan rakyat
		[2x2m=4 <i>markah</i>]	

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT